

SEJAUHMANA PENGURUSAN SEKOLAH DAN SUKATAN PENDIDIKAN ISLAM
K.B.S.M DAPAT DIKAITKAN DENGAN KONFLIK AKHLAK PELAJAR ISLAM
DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DAERAH SABAK BERNAM
SELANGOR

JAMALI BIN BASRI

SEKOLAH SISWAZAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
SINTOK, KEDAH DARUL AMAN

SESI 1994/1995

106584



106584

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat konflik akhlak pelajar Islam di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Seluk Bernam, Selangor. Seramai 240 responden pelajar termasuk 120 perempuan dan 120 lelaki telah dipilih secara rawak. Seramai 12 orang responden guru yang terlibat dengan pengurusan pelajar di sekolah sampel telah dipilih. Sebanyak EMPAT buah Sekolah Menengah Kebangsaan yang menjadi sampel mewakili 8 buah sekolah. Sekolah sampel diambil dari setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri. Data kes juvana dan jenayah syariah juga diperolehi. Data dianalisis untuk melihat frekuansi, peratusan dan pekali kolerasi. Tujuannya adalah untuk melihat hubungan atau kaitan di antara pembolehubah akhlak dengan pembolehubah pengurusan sekolah, Sukatan Pendidikan Islam KBSM dan latar belakang keluarga. Analisis akhlak pelajar yang diperolehi menunjukkan daerah ini masih boleh dianggap bersih. Walaupun terdapat salahlaku akhlak yang "berat" dikalangan pelajar, tetapi terlalu kecil dan diperingkat awal. Secara umum pelajar perempuan mempunyai akhlak yang lebih baik dari lelaki. Analisis kolerasi menunjukkan terdapat hubungan yang tidak berapa signifikan antara akhlak pelajar dengan pengurusan sekolah dan Sukatan Pendidikan Islam KBSM. Walau bagaimanapun akhlak pelajar lebih hampir signifikan dengan latar belakang keluarga.